

# Rusia pasaran baru minyak sawit

UM 13 AUG 2001

**S**ITIAWAN 12 Ogos ~ Malaysia berharap menembusi pasaran baru eksport minyak sawit dengan mengeksport komoditi itu ke Rusia melalui kemudahan kredit berjumlah US50 juta (RM190 juta) September ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, perjanjian penjualan minyak sawit ke Rusia yang dibuat melalui pembayaran secara kredit (POCPA) diharan, direalisasikan semasa lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke negara berkenaan bulan depan.

Katanya, jika perjanjian itu berhasil, ia akan melibatkan penjualan sebanyak 200,000 tan metrik minyak sawit bernilai US50 juta ke negara berkenaan.

Beliau menyatakan demiki-

an kepada pemberita selepas menghadiri majlis perjumpaan dengan UMNO bahagian Be-

ruas di Hotel Lead View di sini hari ini.

Dr. Lim berkata, kerajaan berharap harga minyak sawit sekarang yang berada pada paras RM1,250 setan metrik akan dapat dikekalkan buat jangka masa yang panjang bagi membantu pekebun-pekebun kecil kelapa sawit di negara ini.

Katanya, selain Rusia, terdapat ura-ura kerajaan India mahu mengurangkan cukai duti import minyak sawit negara ini sebanyak 10 peratus daripada kadar 85 peratus yang dikenakan terhadap komoditi itu sekarang.

Menurutnya, buat masa ini, India mengenakan dasar agak diskriminasi terhadap pengimportan minyak sawit dari negara ini. Menurut beliau, negara itu mengenakan cukai import sebanyak 40 peratus

hingga 50 peratus ke atas minyak soya berbanding 85 peratus terhadap minyak sawit.

Pada masa yang sama, katanya, keputusan China untuk meningkatkan kuota import minyak sawit negara itu daripada 1.1 juta tan metrik tahun lalu kepada 1.4 juta tan metrik tahun ini memberangsangkan pertumbuhan eksport komoditi itu di negara ini.

"Sebenarnya kuota di negara itu masih boleh dipertingkatkan lagi kerana permintaan daripada rakyat China melebihi daripada kebenaran kuota.

"Kerajaan berharap dengan kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), akan membolehkan kuota eksport minyak sawit ke negara itu ditingkatkan lagi," tambahnya.